



KPM.600-12/1/4 Jld. **16** (86)
29 Disember 2020

ENCIK OOI PENG EE
Ketua Pegawai Eksekutif
Penang Science Cluster
Wisma Yeap Chor Ee
37, Gat Lebu China
10200 Georgetown
Pulau Pinang.

Tuan,

PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM UNTUK PERTANDINGAN COOLEST PROJECTS MALAYSIA 2020

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan e-mel daripada pihak tuan bertarikh 11 Disember 2020 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan tahniah atas usaha pihak Penang Science Cluster memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui Pertandingan *Coollest Projects Malaysia 2020* yang telah berlangsung pada 28 dan 29 November 2020 secara dalam talian.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian telah menerima serta meneliti laporan penglibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan markah kokurikulum yang diberikan adalah **penyertaan dan pencapaian peringkat kebangsaan**. Markah ini diambil kira dalam **pemarkahan penglibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)**. Bagi tujuan pemarkahan, pihak sekolah perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di **Lampiran 1**.

4. Bersama-sama ini dilampirkan senarai nama pemenang dalam pertandingan tersebut (seperti di Lampiran 2) untuk rujukan pihak tuan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Pn. Nadhirah binti Azman di talian 03-8884 1090 atau e-mel nadhirah@moe.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJI RAZUKI BIN A. RAHIM)
b.p. Pengarah
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

NA/na

sk: 1. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri

**PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN PENGLIBATAN
DAN PENCAPAIAN KOKURIKULUM MURID DALAM PENILAIAN PENTAKSIRAN
AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK) KEMENTERIAN
PENDIDIKAN MALAYSIA**

JENIS PENGLIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PELIBATAN I	Murid yang didaftarkan sebagai atlet/ peserta perkhemahan/ kejohanan/ kursus/ karnival/program pertandingan
PELIBATAN II	Penglibatan murid dalam aktiviti seperti: <ul style="list-style-type: none"> - Jawatankuasa pelaksana - Petugas Teknikal - Persembahan selingan
PELIBATAN III	Penglibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti penyokong, kumpulan sorak dan sebagainya

SKOR PENGLIBATAN K1

PERINGKAT	SKOR		
	Penglibatan I	Penglibatan II	Penglibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/Daerah	11	8	4

SKOR PENCAPAIAN K1

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
		Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
TAHAP PENCAPAIAN	PERINGKAT					
	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4